

Artikel

Kelestarian Sosial Komuniti Peniaga Pesisir Pantai di Negeri Terengganu
(*Resilience of Micro, Small & Medium Entrepreneurs (MSMEs) During the Covid-19 Pandemic*)

Nurul Izzah Syahirah Muhamad Pauzi & Noordeyana Tambi*

Pusat Kajian Pembangunan, Sosial dan Persekitaran, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti
Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia

*Pengarang Koresponden: deyana@ukm.edu.my

Diserah: 21 September 2024

Diterima: 21 November 2024

Abstrak: Penyebaran pandemik COVID-19 dalam negara Malaysia telah memberi banyak kesan buruk kepada perusahaan pelancongan yang merupakan salah satu aktiviti ekonomi tempatan serta mata pencarian pekerja pelancongan dan masyarakat serta negara yang bergantung kepada pelancongan. Hal ini disebabkan oleh kerana Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) oleh pihak kerajaan memberi kesan yang besar kepada komuniti peniaga di Negeri Terengganu. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk mengkaji tahap modal kewangan dan tahap modal sosial terhadap kelestarian sosial komuniti peniaga pesisir pantai di negeri Terengganu. Kajian ini juga melihat kepada hubungan serta pengaruh modal kewangan dan modal sosial terhadap kelestarian sosial komuniti peniaga pesisir pantai. Kajian kuantitatif ini menggunakan borang soal selidik dalam bentuk Google Form, melibatkan seramai 235 orang responden yang terdiri daripada komuniti peniaga pesisir pantai di dalam negeri Terengganu. Kajian ini menggunakan kaedah analisis deskriptif iaitu min dan inferensi iaitu korelasi dan regrasi pelbagai bagi menjawab objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan tahap modal kewangan dan tahap modal sosial adalah tinggi terhadap komuniti peniaga pesisir pantai. Kajian ini juga mendapati bahawa terdapat hubungan antara modal kewangan dan modal sosial terhadap kelestarian sosial komuniti tersebut. Namun begitu, hasil dapatan menunjukkan bahawa modal kewangan dan modal sosial mempunyai pengaruh yang sederhana terhadap perubahan dalam kelestarian sosial komuniti peniaga ini. Hasil kajian ini membolehkan pihak yang terlibat dalam pembangunan komuniti peniaga pesisir pantai untuk mengenalpasti tahap kelestarian sosial komuniti tersebut untuk meneruskan perniagaan.

Kata kunci: Modal kewangan; modal sosial; keusahawanan; kelestarian sosial; komuniti peniaga

Abstract: The spread of the COVID-19 pandemic in Malaysia has had many adverse effects on the tourism industry which is one of the local economic activities as well as the livelihood of tourism workers and communities and countries that depend on tourism. This is because the implementation of the Movement Control Order (MCO) by the government has a great impact on the business community in the State of Terengganu. Therefore, this study aims to examine the level of financial capital and the level of social capital towards the social sustainability of the coastal merchant community in the state of Terengganu. This study will also look at the relationship and influence of financial capital and social capital on the social sustainability of coastal merchant communities. Data collection for this study is by using a questionnaire in the form of Google Form, involving a total of 235 respondents who are from the coastal merchant community in the state of Terengganu. This study uses the descriptive analysis method which is mean and inference which is correlation and multiple regression to answer the objective of the study. The results of the study show that the level of financial capital and the level of social capital is high for the coastal merchant community. This study

also found that there is a relationship between financial capital and social capital on the social sustainability of the community. Nevertheless, the findings show that financial capital and social capital have a moderate influence on the social sustainability of this merchant community. The results of this study allow those involved in the development of the coastal merchant community to identify the level of social sustainability of the community to continue business.

Keywords: Financial capital; social capital; entrepreneurship; social sustainability; entrepreneur community

Pengenalan

Industri pelancongan telah berkembang menjadi salah satu sektor ekonomi terbesar dan paling pesat berkembang di dunia. Industri pelancongan merupakan sektor penyumbang yang penting dalam menuju ke arah kemajuan dan peningkatan ekonomi sesebuah negara. Industri ini memegang peranan sebagai penjana pendapatan kepada banyak negara termasuklah Malaysia. Pada tahun 2012, data kemasukan pelancong adalah sebanyak 141.4 juta orang dan meningkat pada setiap tahun hingga tahun 2019 dengan 239.1 juta kemasukan (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Pertambahan yang berlaku ini menyebabkan jumlah pendapatan pelancongan antarabangsa meningkat dan ekonomi negara dapat bertumbuh dengan lebih maju. Malaysia sebagai salah satu daripada negara anggota ASEAN turut berusaha untuk menjadikan negara ini destinasi pelancongan utama bukan sahaja dalam kalangan negara ASEAN malah di rantau Asia. Sektor pelancongan juga banyak memberi manfaat dan keuntungan kepada pertumbuhan ekonomi dan penciptaan pekerjaan kerana mempunyai kesan berganda merentas sektor ekonomi seperti perkhidmatan makanan dan penginapan, peruncitan dan pengangkutan serta pertanian. Hal ini memberi kesan yang baik kepada kepelbagaian ekonomi, penciptaan pekerjaan, meningkatkan budaya dan produk tempatan serta lain-lain jika diusahakan secara mampan. Kepentingan sektor untuk pekerjaan, pembangunan ekonomi tempatan dan negara, budaya, produk dan perkhidmatan dicerminkan dalam Matlamat Pembangunan Mampan (SDG), khususnya SDG ke-8 iaitu pekerjaan yang sesuai dan pembangunan ekonomi serta SDG ke-12 iaitu penggunaan dan pengeluaran bertanggungjawab, yang merangkumi sasaran khusus pelancongan.

Namun begitu, pada akhir tahun 2019, semua negara telah diancam dengan kemunculan wabak baharu yang dikenali sebagai penyakit Coronavirus-2019 atau lebih dikenali sebagai COVID-19 (Hall et al., 2020). Berdasarkan statistik yang telah dikeluarkan oleh Ministry of Health Malaysia (MoH), jumlah kes harian wabak Covid-19 di Malaysia adalah seramai empat orang iaitu pada tarikh 25 Januari 2020 sebelum di umumkan PKP oleh pihak kerajaan. Namun, jumlah kes harian wabak Covid-19 terus meningkat sehingga mencecah kes tertinggi iaitu sebanyak 33,405 orang pada 5 Mac 2022. Dalam tempoh hampir dua tahun ini, sebanyak 7,082 kluster telah dikeluarkan oleh KKM dan sebanyak 13 kluster yang masih aktif hingga tarikh 5 Oktober 2022. Jumlah kes yang masih aktif adalah sebanyak 23,038 orang pada 5 Oktober 2022 daripada 13 kluster tersebut (Kementerian Kesihatan Malaysia 2022). Walaupun penularan wabak ini semakin berkurang, masyarakat tidak mengira usia perlu menjaga keselamatan dan kesihatan diri agar kes harian boleh dikurangkan lagi.

Oleh itu, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) adalah antara industri yang paling terjejas selepas PKP di umumkan serta penutupan sektor-sektor pelancongan seluruh negara. Sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS) pada tahun lalu telah mengalami kerugian yang besar berikutan pelaksanaan Kawalan Pergerakan yang ketat di seluruh negara bagi memerangi isu COVID-19. Penutupan sektor ini telah mengeruhkan lagi keadaan kelangsungan hidup masyarakat terutamanya bagi komuniti peniaga yang sememangnya mengharapkan hasil perniagaan mereka sahaja (Hidayah, 2021). Menyedari tentang betapa pentingnya industri pelancongan di Malaysia terutamanya bagi komuniti peniaga di negeri-negeri pantai timur, maka kajian yang menyeluruh harus merangkumi indikator-indikator terlibat akibat daripada penularan pandemik COVID-19. Komuniti peniaga yang bergantung sepenuhnya terhadap perniagaan kawasan pelancongan perlu menghadapi impak yang besar terhadap pelaksanaan PKP yang telah diumumkan oleh pihak Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) pada tahun 2020 lepas. Penyelidikan pelancongan COVID-19 bukan sahaja harus mendedahkan impak COVID-19, tetapi ia juga harus memberikan kuasa penjelasan

tentang punca dan cadangan tentang cara menangani sebarang ketidaksamaan dan keburukan pelbagai kumpulan pihak berkepentingan pelancongan. Hal ini demikian kerana boleh merencatkan pendapatan yang diperoleh oleh komuniti peniaga khususnya di pesisir pantai (Rashid & Hasan 2020), khususnya komuniti peniaga di sekitar pesisir pantai Negeri Terengganu. Maka, kajian ini mengkaji tahap modal kewangan dan tahap modal sosial komuniti peniaga tersebut terhadap kelestarian sosial komuniti peniaga pesisir pantai ini.

Sorotan Literatur

1. Kelestarian Sosial

Menurut perbadanan United World Commission on Environment and Development, kelestarian bermaksud pengekalan terhadap sesuatu perkara dan ianya sering dikaitkan dalam usaha bagi memelihara keaslian terhadap sesuatu perkara atau keadaan dalam memenuhi keperluan masa kini tanpa menjejaskan keperluan generasi akan datang (Mohsin et al., 2022). Definisi asal kepada kelestarian seringkali merujuk kepada Laporan Brundtland (1987) yang mengatakan bahawa pembangunan lestari merupakan pembangunan yang memenuhi kehendak masyarakat sekarang tanpa menjejaskan keperluan masyarakat akan datang. Sekaligus menjadi definisi utama yang menjelaskan kelestarian itu khususnya melibatkan keseimbangan dan kestabilan aspek alam sekitar, ekonomi dan sosial. Oleh itu, kelestarian menjadi suatu mekanisme yang berkaitan dengan segala aspek pembangunan atau transformasi yang berlaku antara masyarakat (Hasna, 2007). Maka, fokus kajian ini merujuk kepada kelestarian sosial yang melibatkan aktiviti sosial manusia dalam usaha pembangunan fizikal mahupun bukan fizikal. Kelestarian sosial memenuhi pelbagai keperluan penduduk sedia ada dan akan datang, peka terhadap pembangunan persekitaran dan kepentingan kepada kualiti hidup yang tinggi melalui perancangan yang selamat dan inklusif, dibina dan dilaksanakan, serta menawarkan kesamarataan terhadap peluang dan perkhidmatan yang baik untuk semua.

Dalam aspek komuniti peniaga, elemen yang perlu diberikan fokus ialah kelestarian sosial dan ekonomi bagi mencapai aspek kelestarian demi kelangsungan generasi masa kini dan akan datang (Noordeyana et al., 2016). Secara umumnya, kelestarian sosial menggambarkan satu corak pertumbuhan yang stabil dan pengagihan pendapatan yang baik yang boleh mengurangkan perbezaan sosial. Kehidupan manusia mempunyai pelbagai isu sosial dengan tahap yang berbeza. Menurut kajian lepas, aspek yang perlu dipertimbangkan dalam kelestarian sosial ialah kesihatan, pekerjaan, pendidikan, keselamatan, kebebasan politik, kebebasan peribadi, kebebasan beragama, modal sosial dan kesaksamaan sosial (Abdullah, 2019). Selain itu, kelestarian sosial juga berkaitan kepada satu matlamat bagaimana kualiti hidup manusia perlu diperlihara. Kegagalan dalam usaha mencapai kelestarian sosial secara langsung akan menjejaskan ekonomi dan perkembangan negara (Shane et al., 2020).

2. Modal Kewangan dalam Konteks Kelestarian Sosial

Peniaga dengan modal kewangan dan simpanan yang lebih tinggi akan lebih berdaya tahan terhadap kebolehubahan yang berlaku dalam negara (Keshavarz & Moqadas, 2021; Buerah & Hussin, 2014). Abraham (2018) mendapati bahawa petani pekebun kecil kelihatan lebih berdaya tahan dalam menyesuaikan diri dengan kesan kebolehubahan iklim, memandangkan akses mereka kepada modal kewangan. Walau bagaimanapun, kebanyakan petani menghadapi kekangan tertentu dalam mengakses modal kewangan di Afrika. Kos transaksi berkaitan kredit yang ditawarkan oleh institusi kewangan telah dijelaskan sebagai faktor utama yang menghalang petani daripada mendapat akses kepada kredit (Haizum, et.al, 2021; Ojo & Baiyegunhi, 2020; Azmi, et.al., 2012). Hal ini dapat dikaitkan bersama peniaga kecil yang turut terjejas dengan setiap perubahan yang berlaku dalam negara misalnya perubahan akibat daripada penularan COVID-19 di Malaysia. Modal kewangan ialah sumber penting untuk melaksanakan strategi inovatif dan tingkah laku inovatif oleh syarikat industri (Trachuk & Linder, 2021; Azmi, et.al, 2020). Ketersediaan dan akses kepada modal kewangan untuk pengeluaran yang cekap memungkinkan untuk menambah baik infrastruktur dan memperkenalkan teknologi baharu untuk meningkatkan kualiti produk sambil mengurangkan kos untuk teknologi. Akses kepada modal kewangan membolehkan tinjauan yang lebih mendalam tentang pengguna dan keperluan dan keperluan mereka (Desyllas, 2018).

Kebanyakan PKS bergantung pada pembiayaan dalaman, kredit jangka pendek daripada pembekal dan produk kewangan khas (World Bank, 2014). Ini kerana dana mereka lebih terkawal tanpa kewajipan membayar ansuran (Myers, 1984; Myers & Majluf, 1984). Modal kewangan kebanyakannya akan menggunakan modal kerja daripada wang sendiri (simpanan peribadi dan pendapatan tertahan), pinjaman jangka pendek, dan hutang jangka panjang bagi meneruskan perniagaan (Myers & Majluf, 1984). Mereka menekankan bahawa perniagaan kecil sangat bergantung kepada pinjaman untuk membiayai operasi mereka. Secara amnya, syarikat yang menggunakan dana dalaman cenderung terhad dan tidak mempertimbangkan untuk menggunakan modal luaran (Silver et al., 2016).

3. Modal Sosial Dalam Konteks Kelestarian Sosial

Konsep modal sosial yang seringkali digunakan untuk menjelaskan hubungan yang terbina antara ahli komuniti melibatkan satu set norma, nilai dan kepercayaan yang dikongsi bersama anggota komuniti sekaligus mengukuhkan jaringan yang mereka miliki (Muhammad, 2020; Noordeyana et al., 2016). Modal sosial ini dibina melalui aktiviti-aktiviti tradisi yang melibatkan ahli-ahli dalam komuniti bersama-sama pihak luar mahupun usaha ahli tersebut yang membawa faedah dalam komuniti tersebut (Tajuddin et al., 2019). Hubungan ini boleh dibina sama ada hubungan antara setiap ahli dalam satu komuniti (*bonding*), hubungan antara beberapa komuniti kolektif (*bridging*), serta hubungan dengan pihak luar seperti kerajaan dan bukan kerajaan (*linking*) (Noordeyana et al., 2022). Maka, semua jenis hubungan ini mempunyai peranan dalam membantu sesebuah komuniti dapat berdaya saing khususnya dalam perniagaan.

Sehubungan itu, pemilikan modal sosial dalam diri peniaga dan hubungannya dengan ahli komuniti lain merupakan aspek penting dalam perniagaan untuk meneruskan kelangsungan diri. Daya saing dalam perniagaan dan kehidupan memerlukan pelaburan untuk mengukuhkan hubungan, pelaburan untuk meningkatkan kebolehan dan kemampuan untuk bersaing dengan perkembangan semasa (Nur Anira, et.al, 2023; Norasiah & Mohd. Nasir, 2007). Perhubungan yang formal dan tidak formal mampu membina kepercayaan dan elemen ini mampu menjadi kelangsungan perniagaan bagi tempoh masa yang lama. Melalui kepercayaan, persetujuan kerjasama dan kefahaman yang sama untuk mencapai satu-satu matlamat dalam perniagaan menjadikan situasi ini sebagai modal sosial yang amat penting dalam komuniti peniaga (Suhaini, 2015). Apabila kepercayaan dan persefahaman dalam membina hubungan perniagaan dapat diperkukuhkan, sekaligus akan membantu kepada perkongsian modal-modal lain seperti modal fizikal, modal manusia dan modal kewangan dalam menentukan daya saing sesebuah perniagaan.

Metodologi Kajian

Kajian kuantitatif ini melibatkan 235 orang responden dalam kalangan komuniti peniaga yang berniaga di kawasan pesisir pantai dalam Negeri Terengganu daripada 742 orang peniaga keseluruhannya yang berdaftar dengan Pejabat Daerah Negeri Terengganu. Instrumen kajian dalam bentuk soal selidik kajian ini terbahagi kepada 3 bahagian ini iaitu modal kewangan, modal sosial dan kelestarian social komuniti peniaga pesisir pantai. Ujian kebolehppercayaan Cronbach-alpha (α) dilaksanakan ke atas 10 orang responden peniaga kecil di pesisir pantai Negeri Terengganu dan hasilnya menunjukkan semua pembolehubah memperoleh paras 0.6 dan ke atas (dalam Jadual 1).

Jadual 1. Skor indeks koefisien kebolehppercayaan Alpha Cronbach's

Pengukuran	Bilangan Item	Kajian Rintis (n:20)
Bahagian B : Modal Kewangan	7	0.716
Bahagian C : Modal Sosial	8	0.744
Bahagian D : Kelestarian Sosial	6	0.727
Keseluruhan	21	0.810

Sumber: Kerja lapangan (2023)

Soal selidik diedarkan kepada responden melalui kajian lapangan yang dilaksanakan secara berperingkat dalam tempoh empat minggu sehingga jumlah responden mencukupi. Hasilnya seramai 235

orang responden yang diperolehi dan menepati syarat minimum responden yang disarankan oleh Sudman (1976) yang menyatakan bahawa bilangan sampel di antara 200 hingga 500 adalah bersesuaian dengan kebanyakan kajian tinjauan. Roscoe (1975) turut menyokong bahawa sampel di antara 30 hingga 500 orang adalah bersesuaian dalam sesuatu kajian tinjauan. Analisis deskriptif digunakan bagi menjelaskan objektif kajian. Manakala, tahap pemilikan modal dan tahap kelestarian sosial komuniti peniaga pesisir pantai diterjemahkan mengikut skor min oleh Hills et al. (1988) seperti dalam jadual 2.

Jadual 2. Skor interpretasi min

Skor Min	Interpretasi Skor Min	Klasifikasi
1.00 hingga 2.33	Rendah	Sangat Tidak Setuju/ Tidak Setuju
2.34 hingga 3.66	Sederhana	Tidak Pasti
3.67 hingga 5.00	Tinggi	Setuju/ Sangat Setuju

Sumber: Hill et al. (1988)

Hasil Kajian dan Perbincangan

1. Latar belakang Responden

Secara keseluruhan, sebanyak 235 orang responden telah mengambil bahagian dan memberi maklum balas dalam kajian ini. Majoriti responden terdiri daripada perempuan dengan mewakili 58.3 peratus bersamaan dengan 137 orang responden berbanding dengan lelaki dengan hanya 41.7 peratus yang bersamaan dengan 98 orang responden. Walaupun pecahan responden mengikut jantina tidak mencapai peratusan 50-50, tetapi tidak menunjukkan perbezaan yang ketara iaitu dengan perbezaan sebanyak 39 orang sahaja. Namun begitu, perbezaan responden bagi jantina tidak menjadi isu mahupun masalah, memandangkan ia tidak dititikberatkan di dalam kajian ini serta tidak dimasukkan sebagai objektif utama dalam kajian.

Dari segi umur responden dalam komuniti peniaga pesisir pantai ini, responden dalam lingkungan 31 tahun hingga 40 tahun mencapai peratusan yang paling tinggi iaitu sebanyak 26.8 peratus bersamaan 63 orang responden. Hal ini demikian kerana, kebanyakan peniaga di pesisir pantai menjadikan perniagaan mereka sebagai pekerjaan tambahan bagi menampung paras ekonomi negara yang tinggi pada masa ini (Rose et al 2018). Manakala peniaga pesisir pantai dalam kalangan umur 20 tahun dan kebawah mencatatkan jumlah peratusan yang rendah iaitu sebanyak 3.8 peratus atau 9 orang responden sahaja. Penglibatan mereka dalam perniagaan kecil di pesisir pantai kebanyakannya adalah bagi mengisi ruang masa sebelum melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi (Abdullah et al., 2019). Hal ini kerana, kebanyakan daripada peniaga dalam lingkungan ini adalah merupakan pelajar yang baru sahaja menduduki ujian SPM dan mereka yang menunggu tawaran kemasukan ke universiti.

Bagi bahagian status responden, pengkaji membahagikan kepada tiga pilihan sahaja iaitu bujang, berkahwin serta lain-lain yang merangkumi status duda, janda dan balu. Berdasarkan kepada hasil dapatan, lebih daripada separuh responden iaitu sebanyak 60.9 peratus bersamaan dengan 143 orang responden memegang status sudah berkahwin. Ini kerana, kebanyakan masyarakat Terengganu sudah mula memasuki fasa rumahtangga pada umur 20 tahun ke atas. Bagi status perkahwinan yang di kodkan lain-lain oleh pengkaji telah menunjukkan peratusan rendah iaitu 12.3 peratus bersamaan dengan 29 orang responden.

Berdasarkan taburan demografi responden yang diperolehi, hampir 100 peratus peniaga pesisir pantai adalah dalam kalangan masyarakat berbangsa melayu. Jumlah peratusan bagi peniaga berbangsa melayu adalah 99.1 peratus atau sebanyak 233 orang responden. Hal ini demikian kerana, berdasarkan laporan sosioekonomi negeri Terengganu, kumpulan etnik warganegara Terengganu bumiputera adalah 97.1 peratus dan merupakan yang tertinggi antara etnik lain. Namun begitu, terdapat juga bangsa lain yang terlibat secara langsung dalam kajian ini dengan peratusan 0.9 peratus yang bersamaan 2 orang responden sahaja. Menurut temubual semasa pengkaji mengedarkan borang selidik, dua orang responden ini adalah berasal daripada negara Thailand dan telah berhijrah ke sini sejak beberapa tahun lamanya. Hal ini menunjukkan bahawa bangsa lain juga mampu meneruskan hidup mereka dalam negara kita dengan membuka perniagaan secara kecil-kecilan.

Bahagian taraf pendidikan mempunyai enam tahap iaitu SPM, STPM/Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Master, PhD dan lain-lain. Berdasarkan hasil yang diperolehi, peratusan tertinggi adalah bagi tahap pendidikan SPM dengan 55.3 peratus atau bersamaan dengan 130 orang responden. Ini kerana kebanyakan peniaga merangkumi golongan-golongan tua serta mereka yang tidak melanjutkan pelajaran akibat daripada kekangan pada masa dahulu. Hasil menunjukkan bahawa tiada daripada responden yang terlibat mempunyai tahap pendidikan di peringkat PhD. Namun begitu, terdapat 2 orang responden bersamaan 0.9 peratus merupakan lepasan Master. Berdasarkan temubual pengkaji kepada responden ini, mereka mengambil pilihan untuk membuka perniagaan dipesisir pantai kerana melihat peluang yang tinggi dalam sektor pelancongan pesisir pantai di negeri Terengganu. Responden mengatakan bahawa mereka tidak mensia-siakan Master yang diperolehi kerana jurusan yang dibawa adalah perniagaan.

Akhir sekali, pengkaji telah mengklafikasikan pendapatan kepada lima bahagian iaitu RM2000 dan kebawah, RM2001 hingga RM3000, RM3001 hingga RM4000, RM4001 hingga RM5000 dan RM5001 ke atas. Berdasarkan kepada hasil lapangan yang dijalankan pengkaji, pendapatan tertinggi antara responden adalah RM2000 dan kebawah dengan peratusan 43.4 peratus bersamaan dengan 102 orang responden. Pendapatan yang paling rendah adalah RM5001 dan ke atas dengan peratusan sebanyak 0.9 peratus bersamaan dengan 2 orang responden. Menurut tindak balas responden kepada pengkaji ketika kajian lapangan dijalankan, mereka adalah golongan yang membuka perniagaan secara sambilan dan mempunyai pekerjaan yang tetap untuk kehidupan seharian mereka.

Jadual 3. Demografi responden

Aspek	Kategori	Bilangan	Peratus %
Jantina	Perempuan	137	58.3
	Lelaki	98	41.7
Umur	31 tahun – 40 tahun	63	26.8
	20 tahun ke bawah	9	3.8
Status	Berkahwin	143	60.9
	Lain-lain	29	12.3
Bangsa	Melayu	233	99.1
	Lain-lain	2	0.9
Pendidikan	SPM	130	55.3
	Master	2	0.9
Pendapatan	RM2000 kebawah	102	43.4
	RM5000 ke atas	2	0.9

Sumber: Kajian lapangan (2023)

2. Tahap Modal Kewangan Komuniti Peniaga Di Pesisir Pantai Negeri Terengganu

Elemen modal kewangan ini mengandungi tujuh (7) item soalan. Pernyataan pertama adalah yang tertinggi dalam elemen kewangan ini iaitu “saya mendapatkan bantuan kewangan hasil usaha sendiri”. Nilai skor min bagi pernyataan ini ialah sebanyak 4.81 (86 peratus bersamaan dengan 202 orang responden). Berdasarkan kepada persetujuan daripada majoriti responden yang terlibat, dapat dijelaskan bahawa peniaga menggunakan cara dan kaedah mereka sendiri untuk mendapatkan bantuan kewangan. Peniaga perlu mengusahakan sendiri untuk mendapatkan bantuan seperti Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Pinjaman MARA dan Bantuan Perniagaan TEKUN Nasional. Bantuan perniagaan merupakan insentif tambahan untuk memberi faedah secara langsung kepada golongan peniaga dalam bentuk bantuan modal perniagaan berskala kecil, bimbingan melalui aktiviti dan program keusahawanan dan lain-lain lagi. Bantuan ini juga merupakan salah satu inisiatif untuk memperkasa ekonomi kumpulan sasar dan membantu meningkatkan taraf hidup golongan yang memerlukan bantuan kewangan segera.

Seterusnya, pernyataan “saya mempunyai masalah kewangan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)” memperoleh skor min = 4.68 (201 orang responden bersamaan 85.5 peratus). Pernyataan ini telah dialami oleh semua peniaga di Malaysia kerana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang di perintahkan oleh pihak kerajaan dalam membendung penularan wabak COVID-19. Hampir kesemua responden terjejas dengan teruk akibat daripada PKP yang dijalankan, seterusnya penutupan semua sektor

terutamanya sektor pelancongan. Pernyataan seterusnya iaitu “saya menggunakan simpanan semasa untuk menjadi modal pusingan perniagaan” menunjukkan min=4.62 (68.9 peratus bersamaan dengan 162 orang responden) bersetuju bahawa kebanyakan peniaga menggunakan simpanan sendiri atau pendapatan bersih untuk dijadikan modal pusingan mereka disebabkan oleh kebanyakan daripada mereka tidak mampu atau layak untuk memohon mana-mana bantuan bagi menyokong perniagaan mereka.

Jadual 4. Elemen modal kewangan

Bil	Pernyataan	Kekerapan (%)					Min
		1	2	3	4	5	
1	Saya mendapatkan bantuan kewangan hasil usaha sendiri.	0 (0)	4 (1.7)	4 (1.7)	25 (10.6)	202 (86.0)	4.81
2	Saya menggunakan simpanan semasa untuk menjadi modal pusingan perniagaan.	0 (0)	7 (3.0)	2 (0.9)	64 (27.2)	162 (68.9)	4.62
3	Saya mempunyai rakan kongsi perniagaan yang boleh bergantung harap.	7 (3.0)	153 (65.1)	12 (5.1)	18 (7.7)	45 (19.1)	2.75
4	Saya mendapatkan bantuan kewangan daripada pihak swasta/kerajaan.	12 (5.1)	162 (68.9)	14 (6.0)	15 (6.4)	32 (13.6)	2.54
5	Saya percaya saya boleh meningkatkan penjualan dengan menggunakan media sosial.	2 (0.9)	21 (8.9)	2 (0.9)	68 (28.9)	142 (60.4)	4.39
6	Saya percaya perniagaan saya mengikuti tren terkini.	2 (0.9)	22 (9.4)	8 (3.4)	109 (46.4)	94 (40.0)	4.15
7	Saya mempunyai masalah kewangan ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).	10 (4.3)	5 (2.1)	2 (0.9)	17 (7.2)	201 (85.5)	4.68

Sumber: Kerja lapangan (2023)

3. Tahap Modal Sosial Komuniti Peniaga Di Pesisir Pantai Negeri Terengganu

Elemen modal kewangan ini mengandungi lapan (8) item soalan seperti dalam Jadual 4. Pernyataan dengan skor tertinggi dalam elemen social ini adalah “hubungan saya dengan pengunjung baik” dengan skor min=4.92 (92.8 peratus bersamaan dengan 218 orang responden). Dapatan ini menunjukkan bahawa komuniti peniaga di pesisir pantai negeri Terengganu ini sentiasa menjaga hubungan mereka dengan semua pengunjung terutamanya pelanggan tetap mereka.

Berikutnya, “keluarga saya menyokong dan memberi semangat kepada saya untuk terus berniaga selepas COVID-19” merupakan skor min kedua tertinggi iaitu min= 4.88. Situasi ini berlaku adalah kerana komuniti peniaga merupakan komuniti yang terjejas teruk akibat daripada penularan COVID-19 dan penutupan semua sektor. Dalam tempoh hamper 1 tahun lebih mereka perlu menutup perniagaan atas arahan kerajaan. Namun mereka memerlukan sokongan yang kuat untuk membuka semula perniagaan mereka dengan masalah kewangan yang mereka hadapi sebelumnya. Dapat dilihat, banyak perniagaan yang tidak dapat dibuka semula selepas COVID-19 akibat daripada banyak kekangan. Seterusnya, pernyataan ketiga tertinggi adalah “pelanggan percaya bahawa harga jualan saya adalah berpatutan” dengan skor min= 4.68 (68.5 peratus bersamaan 161 orang responden). Pelanggan yang juga pengunjung kawasan pantai juga memahami dengan harga jualan yang dipamerkan oleh peniaga-peniaga kecil ini. Malahan, pelanggan juga mencari makanan ringan untuk berehat di sekitar pantai dan menggemari pilihan yang ada.

Jadual 5. Elemen modal sosial

Bil	Pernyataan	Kekerapan (%)					Min
		1	2	3	4	5	
1	Hubungan saya dengan pihak pengunjung baik.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	15 (6.4)	218 (92.8)	4.92
2	Saya percaya dengan mengikut tren terkini dapat menarik perhatian pelanggan di media sosial.	0 (0)	4 (1.7)	2 (0.9)	83 (35.3)	146 (62.1)	4.58
3	Pelanggan percaya bahawa harga jualan saya adalah berpatutan.	0 (0)	0 (0)	2 (0.9)	72 (30.6)	161 (68.5)	4.68

4	Hubungan saya sesama peniaga adalah rapat.	0 (0)	2 (0.9)	2 (0.9)	84 (35.7)	147 (62.6)	4.60
5	Kami saling membantu antara satu sama lain ketika menghadapi masalah.	0 (0)	4 (1.7)	4 (1.7)	111 (47.2)	116 (49.4)	4.44
6	Saya dan peniaga lain saling berkongsi kemahiran baru dalam perniagaan.	4 (1.7)	44 (18.7)	22 (9.4)	95 (40.4)	70 (29.8)	3.78
7	Keluarga saya menyokong dan memberi semangat kepada saya untuk terus berniaga selepas COVID-19.	0 (0)	0 (0)	4 (1.7)	21 (8.9)	210 (89.4)	4.88
8	Saya berhubung baik dengan pihak pembekal.	0 (0)	15 (6.4)	2 (0.9)	92 (39.1)	126 (53.6)	4.40

Sumber: Kerja lapangan (2023)

4. Hubungan Antara Modal Kewangan Dan Modal Sosial Terhadap Kelestarian Sosial Komuniti Peniaga Pesisir Pantai

Jadual 5 menunjukkan wujudnya hubungan bagi kedua-dua pemboleh ubah tidak bersandar dengan pemboleh ubah bersandar iaitu modal kewangan $r=0.61$ iaitu kekuatan hubungan yang sederhana dan modal sosial dengan $r=0.56$ juga mempunyai hubungan yang sederhana terhadap kelestarian sosial komuniti peniaga pesisir pantai.

Nilai korelasi yang diperoleh bagi hubungan antara modal kewangan dan kelestarian sosial dalam kalangan komuniti peniaga pesisir pantai didapati lebih tinggi berbanding nilai korelasi bagi hubungan antara modal sosial dan kelestarian sosial. Namun begitu, ianya hanya menunjukkan jurang perbezaan yang sedikit sahaja. Dapatan analisis korelasi secara keseluruhannya juga menunjukkan kekuatan hubungan antara modal kewangan dan modal sosial terhadap kelestarian sosial adalah pada tahap sederhana tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa kedua-dua elemen ini mempunyai hubungan terhadap kelestarian sosial.

Secara kesimpulannya, hasil kajian menunjukkan bahawa kedua-dua pemboleh ubah (modal kewangan dan modal sosial) dalam kajian ini mempunyai hubungan dengan kelestarian sosial, namun begitu hasil mendapati bahawa ianya tidak signifikan kerana tahap signifikan bagi kedua-dua elemen adalah $p>0.05$. Walaubagaimana pun, hal ini menunjukkan bahawa elemen modal kewangan dan modal sosial adalah penting untuk kelestarian sosial komuniti peniaga pesisir pantai. Hal ini dikatakan kestabilan kewangan mampu menjamin kepada kelangsungan perniagaan dari sudut sokongan dan penyediaan peluang pekerjaan kepada ahli komuniti yang lain. Sekaligus, situasi ini turut menjadi sokongan tambahan kepada pembangunan modal sosial.

Jadual 5. Hasil ujian korelasi Pearson

Pemboleh ubah	Kelestarian Sosial (Pemboleh ubah Bersandar)		
	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Sig. (2 tailed)	Interprestasi Kekuatan Hubungan
Modal Kewangan	0.61	0.352	Sederhana
Modal Sosial	0.56	0.395	Sederhana

Sumber: Kerja lapangan (2023)

Kesimpulan

Secara umumnya kelestarian sosial dalam kalangan komuniti peniaga pesisir pantai di negeri Terengganu ini mempunyai hubungan antara modal kewangan dan modal sosial. Modal kewangan bukanlah hanya melibatkan mata wang sahaja, malah turut melibatkan strategi, bantuan dan pengetahuan tentang pemasaran. Hasil bagi setiap item dalam elemen modal kewangan ini juga menunjukkan bahawa betapa pentingnya elemen ini bagi meneruskan kehidupan komuniti peniaga semasa dan selepas tempoh PKP dijalankan. Hasil analisis yang menggunakan kaedah analisis deskriptif ini juga menunjukkan bahawa tahap modal kewangan dalam komuniti peniaga pesisir pantai ini adalah amat memberangsangkan. Hasil kajian yang diperoleh juga menunjukkan bahawa responden iaitu komuniti peniaga pesisir pantai ini mempunyai tahap modal kewangan yang tinggi.

Komuniti peniaga pesisir pantai ini mempunyai semangat dan minat yang tinggi terhadap sektor perniagaan walaupun hanya perniagaan secara kecil-kecilan.

Oleh itu, responden sentiasa mencari peluang yang ada untuk meneruskan perniagaan mereka walaupun terpaksa menghadapi pelbagai kekangan terutamanya ketika penutupan semua sektor dengan pelaksanaan PKP di Malaysia. Manakala, modal sosial pula diperkatakan sebagai sumber daya yang dimiliki oleh masyarakat dalam bentuk norma-norma atau nilai-nilai yang membangunkan kerjasama melalui jaringan interaksi dan komunikasi yang harmonis dan kondusif. Modal sosial memberi kekuatan atau daya dalam beberapa kondisi-kondisi sosial dalam masyarakat. Modal sosial wujud dari interaksi antara orang-orang dalam suatu komuniti dalam masyarakat. Pengukuran modal sosial dapat dilihat dari interaksi baik individu mahupun institusi seperti terciptanya atau terpeliharanya kepercayaan antara kalangan masyarakat. Oleh demikian, jelas bahawa modal kewangan dan modal sosial adalah elemen penting kepada kelestarian komuniti peniaga pesisir pantai yang terlibat. Tambah implikasi kajian dan cadangan kajian akan datang

Penghargaan: Terima kasih kepada semua responden terlibat dalam kajian ini.

Konflik Kepentingan: Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Soal selidik kajian ini telah melalui proses kebolehpercayaan tanpa soalan sensitive dan mendapat persetujuan responden kajian yang terlibat.

Rujukan

- Abdullah, Z., Ismail, S. N., Shafee, S., Shaharom, M. S. N., & Ghani, M. F. A. (2019). Pengaruh pembelajaran akademik anak-anak keluarga fakir miskin di sekolah-sekolah Selangor. *JuPiDi: Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 6(2), 44-70.
- Abraham, T.W., (2018). Estimating the effects of financial access on poor farmers in rural northern Nigeria. *Financial Innovation*, 4(1), 1–20. <https://doi.org/10.1186/s40854-018-0112-2>.
- Azmi Wahab, Aida Idris, & Diana Abdul Wahab, (2020) Peranan pengurusan strategik dalam pertumbuhan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 17 (1), 108-124.
- Azmi Abdul Manaf, Nik Hairi Omar & Lee, K.Y. (2012). Faktor kritikal kejayaan usahawan dalam perniagaan. *e-Bangi Journal of Human Sciences and Humanities*, 7 (1), 34 – 45
- Buerah Tunggak & Hussin Salamon. (2014). Perubahan sikap keusahawanan usahawan melayu di Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 9(1), 98-116.
- Brundtland, G.H. (1987). *Report of the World Commission on Environment and Development: Our Common Future*. United Nations-
- Desyllas P., Miozzo M., Lee H.-F., Miles I. (2018). Capturing value from innovation in knowledge-intensive business service firms: The role of competitive strategy. *British Journal of Management*, 29(4), 769–795. <https://doi.org/10.1111/1467-8551.12273>.
- Hadri, Novel & Azlina. (2021). Nilai Jaringan Sosial dan Model Kelestarian Perniagaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(9), 96-116.
- Haizum Ruzanna Sahar, Maizatul Haizan Mahbob, & Wan Amizah Wan Mahmud. (2021). Pengaruh faktor penentu tingkah laku penerimaan e-dagang dalam kalangan usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) di Malaysia. *e-BANGI: Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 18 (5). pp. 195-211. ISSN 1823-884x
- Hall, C. M., Scott, D., & Geosling, S. (2020). Pandemics, transformations and tourism: be careful what you wish for. *Tourism Geographies*, 1–22.
- Hill, R. (1998). What sample size is “enough” in internet survey research? *Interpersonal Computing and Technology: An electronic journal for the 21st century*, 6(3-4), 1-12.
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Pelancongan Domestik Malaysia, 2021*

- Johnsen, M.F., Kaplan, J., Frias, L., & Morgan (14 March 2020). *A third of the global population is on coronavirus lockdown here's our constantly updated list of countries and restrictions*. Business Insider Australia.
- Kementerian Kesihatan Malaysia. (2022). Kes COVID-19 di Malaysia. <https://covidnow.moh.gov.my/bm/cases>
- Keshavarz, M., Moqadas, R.S., (2021). Assessing rural households' resilience and adaptation strategies to climate variability and change. *Journal of Arid Environment*. 184, 104323 <https://doi.org/10.1016/j.jaridenv.2020.104323>.
- Mohsin, Aminah, Nur Sabrina Nazha, Zafirah Ab Muin, Maryanti Mohd Raid, & Jivasangeeta Narayanasamy. (2022). "Implikasi Pembangunan Bercampur Terhadap Kelestarian Sosial." *International Journal of Social Science Research*, 4 (4), 175-185.
- Myers, S. C. (1984). Finance theory and financial strategy. *Interfaces*, 14(1), 126-137.
- Myers, S. C., & Majluf, N. S. (1984). Corporate financing and investment decisions when firms have information that investors do not have. *Journal of financial economics*, 13(2), 187-221.
- Noordeyana Tambi, Asnarulkhadi Abu Samah, Hanina Hamsan & Ma'rof Redzuan. (2016). Jenis dan tahap pemilikan modal peniaga bazar larut malam: Kajian kes di Lembah Klang, Malaysia. *Geografia - Malaysian Journal of Society and Space*, 61-74.
- Noordeyana Tambi & Asnarulkhadi Abu Samah. (2022). Capitals Ownership Among The Late-night Bazaar Entrepreneurs. *International Journal of Academic Research In Business And Social Sciences*. 1405-1418.
- Norasiah & Mohd Nasir. (2007). Modal sosial dalam mempertingkatkan daya saing firma perusahaan kecil dan sederhana (PKS). *International Journal of Management Studies (IJMS)*, 14(2), 93-111.
- Nur Anira Alfitri, Suraiya Ishak, Ahmad Rafli Che Omar, & Azima Abdul Manaf. (2023). Hubungan kompetensi keusahawanan, orientasi keusahawanan individu dan prestasi perniagaan belia. *e-Bangi Journal of Social Sciences & Humanities*, 20 (2). pp. 115-126. ISSN 1823-884x
- Ojo, T., Baiyegunhi, L., (2020). Determinants of climate change adaptation strategies and its impact on the net farm income of rice farmers in south-west Nigeria. *Land Use Policy*. 95, 103946 <https://doi.org/10.1016/j.landusepol.2019.04.007>.
- Rashid, S. M. R. A., & Hassan, F. (2020). Amalan dan penglibatan peniaga kecil melalui perniagaan digital semasa Pandemik COVID-19 di Malaysia. *Geografi*, 8(2), 1-20.
- Rose, R. A. C., & Rosmiza, M. Z. (2018). Impak Sektor Pelancongan Terhadap Perkembangan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Cherating, Pahang. *Geografi*, 6(3), 35-43.
- Silver, L., Berggren, B., & Fili, A. (2016). The role of crowdfunding in entrepreneurial ventures: an analysis of recent trends in Sweden. *Investment Management and Financial Innovations*, 13(1), 221-229.
- Suhaini. (2015). *Hubungan jaringan antara perusahaan kecil dan sederhana industri pelancongan di kampung Cherating Lama, Pahang* (Doctoral dissertation, Universiti Teknologi Malaysia).
- Tajuddin, Z., Sum, S. M., Zainol, R. M., & Jusoh, H. (2019). Penentu sosial penglibatan komuniti dalam projek kebun komuniti bandar: social determinants of community involvement in urban community garden projects. *Sarjana*, 34(1), 56-68.
- Trachuk, A. V., & Linder, N. V. (2021). The impact of financial capital on innovative behavior of industrial companies. *Finance: theory and practice*, 25(1), 51-69.
- WHO. 2020. *Global research on coronavirus disease (COVID-19)*. World Health Organization.